

Berita Harian - Perkongsian Ekonomi Mampu Memperkasa Industri PKS

Khamis, Jan 11 2018

Perkongsian ekonomi mampu memperkasakan industri PKS

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) memerlukan perkongsian ekonomi. Selain modal kewangan, PKS perlukan jaringan peluang dan akses dalam ekonomi. Konsep yang luas ini mampu membantu PKS sekiranya diberikan peluang, akses dan pautan yang betul.

Jika membabitkan industri makanan, maka banyak akan dihasilkan untuk memastikan produk dihasilkan mampu bersaing.

Untuk memastikan pemasaran berjaya, usahawan PKS akan menghubungi pasar raya untuk menempatkan barangan mereka di situ.

Lazimnya, pasar raya akan meletakkan syarat bar kod, pengiktirafan sijil halal dan pembungkusan yang diiktiraf Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM), berserta fakta nutrisi. Ia membatik kos hampir RM30,000 hingga RM100,000. Kos pembungkusan

bukan sesuatu yang murah, malah untuk memastikan sijil halal memerlukan kos pengubahsuaian premis.

Untuk memenuhi kriteria HACCP (Hazard Analysis and Critical Control Points) agak sukar kerana memerlukan modal yang banyak. Mendapat pengiktirafan Bersih, Selamat dan Sihat (BESS) adalah perkara paling hebat bagi PKS. Tambahan pula, premis pembuatan akan dikawal selia oleh Kementerian Kesihatan, Majlis Daerah dan Majlis Agama Islam.

Kos hadapan

Selepas berjaya memasuki pasar raya, produk yang tidak dijual akan dikembalikan. Produk yang sudah terjual, biasanya akan mendapat bayaran enam bulan atau kurang daripada itu. Jadi, kos hadapan akan dibuat sebagai pusingan sambil menunggu pembayaran adalah agak banyak.

Jika pengeluarannya sedikit, maka sedikit untungnya, begitu juga sebaliknya. Dengan modal yang sedikit, SME ingin menambah pengeluaran. Maka, pembelian mesin berkapasiti tinggi adalah perlu bagi tujuan berkenaan. Ini juga membabitkan kos tinggi.

Pinjaman kewangan adalah jalan terbaik tetapi itu hanya menambah hutang, sekali gus menjadi beban.

Tidak kurang juga, Lembaga Hasil Dalam Negeri akan mengetuk pintu premis bertanyakan mengenai bayaran cukai perniagaan.

Melihat kepada perkara di atas, saya terpengil untuk menulis. Ingin juga melihat syarat diletakkan kepada semua pasar raya besar yang melabur di negara kita supaya diletakkan sudut khas bagi barangan tempatan tanpa sebarang syarat bar kod dan dibayar secara terus bukan secara konsesi.

Sudut khas ini mesti juga di-

syaratkan supaya diletakkan di laluan yang menjadi tumpuan dan bukan di lorong belakang. Ini juga boleh dikategorikan sebagai perkongsian ekonomi. Jadi, jaringan peluang itu dikongsi bersama. Bagi bermodal besar, membantu yang bermodal kecil.

Program mentor mentee PKS

Ingin juga saya melihat, bagaimana syarikat tempatan yang besar seperti AirAsia, ADABI, atau BRAHIM membuat program mentor mentee PKS dan menjadi pengeluar kepada barangan mentah untuk keperluan mereka. Jadi, peluang itu akan dibuka juga untuk PKS bertapak sama dengan syarikat gergasi ini. Konsep ini akan membawa kepada 'grooming' atau mendidik PKS yang baru bertatih tanpa sebarang syarat.

Hasilnya peluang dan kekayaan akan dikongsi bersama. Ini juga mampu dikategorikan sebagai

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Ingin juga saya melihat polisi yang memberikan pengurangan cukai kepada syarikat besar yang mendidik atau groom PKS sehingga berjaya tanpa sebarang pinjaman bank.

Kutipan zakat yang banyak setiap tahun mampu juga digunakan untuk diberikan pinjaman tanpa faedah kepada PKS. Berniaga juga boleh dikir asebagai 'fisabilillah' untuk mencari rezeki yang halal.

Jika semua yang kaya turun membantu yang miskin, itulah perkongsian ekonomi sebenar. Sebagai negara berindeks syariah yang tinggi, Malaysia mampu untuk menggembeng tenaga ke arah memperkasakan PKS.

Dr Hakimah Yaacob

Penolong Kanan Profesor Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Brunei Darussalam